

70

SOALAN NO. 127

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS.

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan secara terperinci inisiatif Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) yang telah di jalankan. Nyatakan bantuan-bantuan dan atau program-program untuk membantu OKU dan Warga Emas di Malaysia.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat melaksanakan pendaftaran OKU menurut Seksyen 24, Akta Orang Kurang Upaya 2008. Pendaftaran OKU adalah atas dasar sukarela dan hanya untuk warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia.

Pendaftaran OKU adalah untuk mengumpul data atau statistik untuk perancangan perkhidmatan / program pemulihan, pencegahan, latihan dan pendidikan serta intervensi awal. Kad OKU dikeluarkan kepada yang berdaftar dengan JKM bagi memudahkan mereka berurusan dengan pihak-pihak yang berkenaan. Pendaftaran OKU ini boleh dilakukan di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

Sehingga 10 Oktober 2017, seramai 441,940 OKU telah berdaftar dengan JKM menerusi Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya

72
(SMOKU). Mereka ini terdiri daripada 327,219 orang dewasa dan 114,740 orang kanak-kanak.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan beberapa skim bantuan kebajikan kepada OKU supaya mereka dapat bertahan dan berdaya saing dalam dalam mengharungi keadaan ekonomi yang semakin mencabar.

Bagi OKU yang masih boleh bekerja atau produktif, JKM telah merangka program melalui pendekatan *productive welfare* iaitu suatu pendekatan bagi membantu penerima bantuan kebajikan ke arah hidup berdikari dan survival, supaya tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya. **Elaun Pekerja Cacat (EPC)**, dengan kadar RM350 sebulan boleh dipertimbangkan kepada OKU yang sedang bekerja dan pendapatannya kurang daripada RM1,200 sebulan, sebagai insentif supaya mereka terus bekerja. Di kawasan Bintulu terdapat seramai 202 OKU sedang menerima EPC dengan peruntukan sebanyak RM355,100.00 sehingga Jun 2017.

Program 1AZAM telah diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin tegar menjana peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan mereka. Golongan OKU juga telah mendapat manfaat daripada program ini. Sejak diperkenalkan pada 2009 sehingga September 2016, lebih 195,953 orang telah meraih manfaat daripada program ini dan daripada jumlah itu, seramai 85,866 (44%) termasuk OKU telah berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya RM 300

Berdasarkan Kajian Penilaian *Outcome* Program 1AZAM (AZAM Niaga & Khidmat) KPWKM yang telah dilaksanakan pada tahun 2016, sebanyak 89.17% peserta memperoleh pendapatan di bawah PGK (Miskin Tegar) sebelum menerima bantuan/memulakan perniagaan di bawah program tersebut berkurang kepada 58.69% selepas menerima bantuan/memulakan perniagaan iaitu dengan pengurangan sebanyak 30.48%. Pada masa yang sama, sebanyak 6.04% peserta memperoleh pendapatan melebihi PGK (Miskin) sebelum menerima bantuan/memulakan perniagaan dan peratusan tersebut bertambah kepada 17.63% selepas menerima bantuan/memulakan perniagaan dengan pertambahan sebanyak 11.59%.

74

Program Sokongan Pekerjaan kepada OKU telah dilaksanakan menerusi pelaksanaan program *Job Coach*. Mereka yang dilantik sebagai *Job Coach* berperanan untuk membantu OKU dan majikan dalam membuat penyesuaian kepada persekitaran kerja dan bidang kerja, mengambil kira keupayaan OKU supaya OKU dapat bekerja dalam keadaan selesa dan produktif. Selain itu, peranan *Job Coach* adalah untuk mewujudkan hubungan saling memahami antara pekerja OKU dengan majikan dan rakan-rakan sekerja agar mereka dapat membantu OKU bekerja secara berterusan di samping meningkatkan kualiti perkhidmatan. Sehingga 2016, seramai 576 OKU telah bekerja di 338 majikan dengan bantuan seramai 184 *Job Coach*.

Selain itu, **Bantuan Geran Pelancaran (GP)**, dengan kadar RM2,700.00 sekaligus dipertimbangkan kumpulan sasaran JKM termasuk OKU bagi memulakan projek atau pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan bulanan selama-lamanya. Kadar pemberian Geran Pelancaran di Sarawak adalah lebih tinggi iaitu sebanyak RM5,000.00. Di Bintulu seramai 6 OKU telah menerima GP pada tahun 2017. Antara perniagaan yang diceburui adalah seperti muzik jalanan (*buskers*), gerai minuman, jahitan, pertanian dan perikanan.

JKM juga menyediakan latihan kepada OKU untuk terus berdikari menerusi institusi latihan seperti **Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) di Bangi dan Bengkel Terlindung**. Seramai 7 pelatih dari Sarawak akan menyertai PLPP untuk sesi Adakemik 2017 / 2018 pada Julai 2017.

OKU yang tidak produktif juga sentiasa mendapat perhatian kerajaan. Antara bantuan yang disalurkan kepada golongan ini adalah seperti berikut:

- i. **Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja (BTB)**, dengan kadar RM200 sebulan dipertimbangkan kepada OKU yang tidak mampu bekerja kerana keadaan ketidakupayaan mereka. Di Bintulu, sehingga Jun 2017, seramai 357 OKU sedang menerima bantuan ini dengan peruntukan sebanyak RM351,400.00
- ii. **Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)**, dengan kadar RM300 seorang sebulan dipertimbangkan kepada penjaga Orang Kurang Upaya Terlantar atau Pesakit Kronik Terlantar bagi

mengurangkan bebanan perbelanjaan keluarga penjaga serta memastikan penjagaan yang berkualiti. Sehingga Jun 2017, seramai 143 OKU sedang menerima bantuan ini dengan peruntukan sebanyak RM223,500.00 di Bintulu, Sarawak.

- iii. **Bantuan Alat Tiruan / Sokongan**, dengan kadar sebenar alat tiruan/ sokongan tersebut bagi membantu kumpulan sasar JKM yang tidak berkemampuan untuk membeli alat tiruan atau alat sokongan seperti kaki palsu, kerusi roda, alat pendengaran dan lain-lain peralatan yang bersesuaian dan diperlukan seperti yang disyorkan oleh Pegawai Perubatan.

Bagi meringankan beban kos sara hidup yang semakin meningkat Kerajaan juga menyediakan **Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada OKU**, di samping mengumumkan **pelepasan GST** kepada pemegang Kad OKU yang sah untuk pembelian 31 jenis peralatan bantuan / sokongan OKU.

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah sentiasa terlibat dalam menyalurkan khidmat nasihat untuk sebarang perancangan dan pemantauan program-program berkaitan OKU terutamanya di agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) syarikat swasta, dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK). Perkara yang memerlukan tindakan dan keputusan dasar akan dibawa ke Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) yang telah ditubuh di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008. MKBOKU dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan terdapat enam jawatankuasa di bawahnya iaitu Jawatankuasa Reka Bentuk Sejangat dan Alam Bina, Jawatankuasa Pekerjaan, Jawatankuasa Pendidikan Jawatankuasa *Quality Life Care*, Jawatankuasa Pengangkutan dan Jawatankuasa Pendaftaran.

Selain itu, Jawatankuasa *Task Force* Isu-Isu Ketidakupayaan yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat juga memberi perhatian

kepada isu pekerjaan dan aksesibiliti OKU secara khusus.

Tuan Yang Dipertua,

Pada 5 Januari 2011, Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah diluluskan oleh kabinet bagi menggantikan Dasar Warga Tua Negara (DWTN) dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara PTDWTN yang antara lain bagi membangunkan masyarakat prihatin terhadap fenomena penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari emas di samping menyediakan satu pelan tindakan warga emas yang komprehensif.

Selaras dengan DWEN dan PTWEN, Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) telah ditubuhkan dalam usaha untuk menjaga kepentingan dan meningkatkan kesejahteraan warga emas di negara ini. MPPWEN berperanan sebagai badan penasihat dan pemantau pelaksanaan DWEN dan PTWEN. MPPWEN dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menawarkan perkhidmatan sosial berbentuk bantuan kebajikan dan kewangan seperti Bantuan Orang Tua (BOT), penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), penjagaan warga emas di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan serta Program Khidmat Bantu Di Rumah.

i. Bantuan Orang Tua

Bantuan ini bertujuan membantu menampung keperluan asas warga emas supaya mereka boleh terus tinggal bersama keluarga dalam komuniti. Penempatan warga emas di institusi merupakan alternatif terakhir sekiranya warga emas tidak mempunyai waris atau saudara mara. Sehingga Ogos 2017, KPWKM melalui JKM telah menyalurkan Bantuan Orang Tua kepada 134,789 orang warga emas yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM360,815,389 iaitu 28.3 peratus daripada keseluruhan peruntukan Bantuan Kebajikan.

ii. Institusi Warga Emas

Kerajaan telah menubuhkan sembilan (9) buah Rumah Seri Kenangan di seluruh negara yang memberi penjagaan dan perlindungan kepada seramai 1,582 orang penghuni warga emas dan 2 buah Rumah Ehsan yang menempatkan seramai 222 orang penghuni. (Data sehingga Julai 2017).

iii. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)

Salah satu program yang dikenalpasti dalam Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara adalah pewujudan Pusat Aktiviti Warga Emas yang dulunya dikenali sebagai Pusat Jagaan Harian Warga Tua (PJHWT).

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) adalah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. PAWE disasarkan kepada warga emas berumur 60 tahun ke atas dan sihat serta dapat menguruskan diri. Sejak 2001 hingga 2017, sebanyak 59 buah PAWE telah diwujudkan. Sehingga Mei 2017 seramai 32,685 orang warga emas telah berdaftar di PAWE.

Program ini memberi peluang kepada warga emas untuk melengkapkan dan meningkatkan potensi diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk hidup secara aktif dan produktif dalam keluarga dan masyarakat. Program ini juga memberi ruang dan peluang kepada warga emas untuk menyumbang dalam program pembelajaran dan pengajaran, perkongsian pengalaman dan penyampaian ilmu serta kemahiran supaya peranan dan status mereka dapat dikekalkan dalam masyarakat.

iv. **Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR)**

Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan, KPWKMM menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperkenalkan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) pada tahun 2013. Program yang dilaksanakan ini merupakan satu adaptasi inovasi sosial dalam meningkatkan kesejahteraan hidup golongan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang *vulnerable* dan *marginalise*. Warga emas dan OKU yang layak mendapatkan perkhidmatan ini adalah yang tinggal berseorangan atau bersama keluarga tetapi memerlukan

perkhimatan sokongan sosial, lemah dan daif.

Program ini dilaksanakan oleh petugas (sukarelawan) yang berdaftar dengan JKM berbentuk pendampingan sosial yang mana petugas (sukarelawan) disuaipadankan dengan klien mengikut latar belakang sosial seperti agama, etnik, bahasa dan budaya. Pendekatan ini digunapakai untuk memastikan perkongsian nilai (shared value) antara petugas (sukarelawan) dan klien dapat diwujudkan.

Sehingga September 2017 ialah seramai 8,254 orang klien yang terdiri daripada 6,539 warga emas dan 1,715 OKU telah menerima manfaat hasil daripada Program Khidmat Bantu di Rumah yang dikendalikan oleh seramai 2,377 orang petugas (sukarelawan).

v. *Beautiful Life For Seniors (BELFOS)*

Semasa NBOS Summit pada 23 Mac 2017, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif *Beautiful Life For Seniors* bertujuan memastikan warga emas di Malaysia menjalani kehidupan yang sejahtera dan bermakna melalui lima (5)

bidang fokus iaitu kesejahteraan pesara, advokasi kesihatan dan kecergasan, kesukarelawanan, pengurusan kewangan dan pembangunan usahawan serta bimbingan pekerjaan baharu-bekerja semula.

Bagi tujuan memberi hebahan dan perkongsian maklumat, Kerajaan telah menyediakan portal *Beautiful Life For Seniors*. Sebagai permulaan, portal ini menyediakan maklumat berkenaan kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang yang disediakan meliputi institusi dan bantuan kebajikan, dasar dan kajian, diskaun tambang pengangkutan serta peluang pekerjaan kepada warga emas termasuk penyertaan di dalam aktiviti kesukarelawanan. Inisiatif-inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan ini adalah merupakan satu titik permulaan dalam usaha Kerajaan untuk memastikan negara bersedia menghadapi status negara tua menjelang tahun 2030 apabila penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15% daripada jumlah penduduk di Malaysia.